



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

69

Jabatan Bendahari

Bursar's Office

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld.XI

Tarikh : 14 November 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL. 24/2012

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN SISTEM KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (UFAST)

Sukacitanya pihak kami ingin menarik perhatian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

PENGENALAN

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari akan menggunakan Sistem Kewangan Dan Perakaunan Universiti (UFAST) yang menggantikan Sistem Kewangan Universiti (SKU) mulai 1 Januari 2013. Semua urusan kewangan di setiap pusat tanggungjawab (PTJ) perlu menggunakan UFAST kerana SKU sedia ada akan dihentikan penggunaannya.

TARIKH AKHIR URUSNIAGA TAHUN 2012 DAN PROSES PENUTUPAN AKAUN UKM MENGGUNAKAN SISTEM KEWANGAN UNIVERSITI (SKU)

3. Proses penutupan akaun universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 akan dilaksanakan dengan menggunakan SKU. Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua PTJ diminta mengikuti jadual berkaitan urusan perolehan dan pembayaran bil-bil tahun 2012 seperti berikut:-

Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 3000/5148 Faksimili: +603-8925 3085 E-mel: bndahari@ukm.my
Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1.	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Bendahari atau Pusat Tanggungjawab	1 Disember 2012
2.	Tarikh akhir pengeluaran Pesanan Rasmi (PR) oleh Jabatan Bendahari atau Pusat Tanggungjawab	14 Disember 2012
3.	Tarikh akhir terima semua bil atau inbois oleh Jabatan Bendahari untuk pembayaran dengan menggunakan peruntukan tahun 2012	14 Disember 2012
4.	Kerja-kerja penyelenggaraan data SKU dan persediaan UFASt oleh Pusat Teknologi Maklumat	15-31 Disember 2012

MAKLUMAT PESANAN RASMI DAN BIL ATAU INBOIS TAHUN 2012

4. Pihak kami akan mengemaskini semua maklumat pesanan rasmi, bil atau inbois tahun 2012 bagi melancarkan proses peralihan data dan maklumat yang perlu dipindah ke UFASt. Pesanan rasmi yang telah tamat tempoh dan masih belum dibekalkan oleh pihak pembekal dan kontraktor akan **dibatalkan dan tidak akan dibawa atau dipindah ke UFASt**. Sekiranya PTJ masih memerlukan bekalan berkenaan, PTJ boleh membuat pesanan rasmi semula atau pembekal boleh memohon lanjutan masa dan pembekal akan dikenakan denda seperti dalam peraturan perolehan universiti. Permohonan lanjutan masa hendaklah dibuat sebelum **1 Disember 2012**. Sehubungan itu semua PTJ dikehendaki menyemak semua pesanan rasmi yang yang telah tamat tempoh tetapi masih belum dibekalkan.

5. Bagi PTJ yang tidak dapat menggunakan peruntukan mengurus sepenuhnya dalam tahun 2012, peruntukan berkenaan dianggap luput dan tidak boleh di bawa ke tahun hadapan.

JADUAL PENTING PELAKSANAAN SISTEM KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (UFASt)

6. Berikut adalah jadual penting yang perlu diberi perhatian oleh semua PTJ:

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1.	Latihan Pengguna Mengikut Modul (termasuk kursus kesedaran pengguna dan PTJ)	30 November 2012 (sedang berjalan)
2.	Pemasangan Setnet & Perisian UFASt (Jabatan Bendahari, Jabatan Kewangan PPUKM, FST dan FKAB) oleh PTM	26-30 November 2012
3.	Pandu Uji Sistem (Pilot Test) (Jabatan Bendahari, Jabatan Kewangan PPUKM, FST dan FKAB)	1-31 Disember 2012

4.	Pendaftaran Setnet Untuk Penggunaan UFASt oleh kakitangan di PTJ	7 Disember 2012
5.	Pemasangan Setnet & Perisian UFASt di PTJ oleh PTM	21 Disember 2012
6.	Edaran Dokumen Baru Pesanan Rasmi Oleh Jabatan Bendahari	21 Disember 2012

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Unit Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,



MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM
 Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
 Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
 Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
 Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
 Pendaftar, UKM